# LAPORAN AKTIVITI BAGI TAHUN 2015
# YAYASAN MUSLIMIN

**PEJABAT OPERASI**

Pejabat pentadbiran Yayasan Muslimin Malaysia Berhad (Yayasan) terletak di 11C Jalan SG 3/17, Pusat Bandar Taman Sri Gombak, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

**AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH YAYASAN MUSLIMIN MALAYSIA BERHAD BAGI SESI 2015/2016**

**PENGERUSI**

Ustaz Md Zaki Bin Ab Manan

**TIMBALAN PENGERUSI**

Ustaz Abdul Rahman Bin Md Hassan @ Mat Hassan

**AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH**

Tuan Haji Muhammat Puzi Bin Ahmat

Tuan Haji Atan Bin Muhamad

Tuan Haji Mohamad Noor Bin Mohamad

Tuan Haji Omar Bin Satari

Ustaz Khairulddin Bin Ghazali

Ustaz Abd Halid Bin Sintol

**AHLI LEMBAGA TABUNG PENDIDIKAN DAN KEBAJIKAN BAGI SESI 2015/2016**

**PENGERUSI**

Ustaz Md Zaki Bin Ab Manan

**TIMBALAN PENGERUSI**

Ustaz Abdul Rahman Bin Md Hassan @ Mat Hassan

**AHLI-AHLI**

Ustaz Mohd Ramli Bin Nikman
Tuan Haji Mohd Noor Bin Mohd Yusof
Tuan Haji Atan Bin Muhamad
Ustaz Mat Jais Bin Kamos
Datuk Mohamad Bin Abdullah
Encik Zakaria Bin Mat
Ustaz Mohd Khairul Anuar Bin Mohd Basri

**KHIDMAT INSTITUSI KEWANGAN & BADAN PROFESIONAL**

| | | |
|---|---|---|
| **Setiausaha Syarikat** | : | Puan Fauzilah Binti Ahmad<br>(LS: 5670) |
| **Perbankan** | : | Bank Islam Malaysia Berhad<br>Bank Muamalat Malaysia Berhad<br>Bank Simpanan Nasional |
| **Peguambela & Peguamcara** | : | Tetuan Hisham, Sobri & Abdul Kadir |
| **Juruaudit** | : | Tetuan Afrizan Tarmili Khairul Azhar<br>(AF : 1300) |
| **Percukaian** | : | KHR Tax Advisory Sdn Bhd |

**AKTIVITI-AKTIVITI**

**1. Jawatankuasa Sumber Dana**

**1.1 Sumbangan aktiviti Yayasan**

Yayasan menerima sumbangan sebanyak RM132,000.00 daripada Tabung Pendidikan & Kebajikan Yayasan Muslimin bagi membiayai belanja pentadbiran dan aktiviti-aktiviti sepanjang tahun 2015.

**1.2 Sumbangan derma**

Tabung Pendidikan & Kebajikan Yayasan Muslimin telah menerima sumbangan derma daripada pelbagai pihak iaitu:-

| | |
|---|---|
| Sumbangan tetap anggota Koperasi Muslimin | RM 139,385.00 |
| Sumbangan derma dan tajaan | 156,613.00 |
| Sumbangan daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia | 40,000.00 |
| Sumbangan fakir dan miskin | 10,000.00 |
| Sumbangan wakaf buku | 4,870.00 |
| | -------------------- |
| **Jumlah** | **350,868.00** |
| | ============= |

Penyumbang derma kepada Yayasan layak menerima pengecualian cukai pendapatan daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (Rujukan : **LHDN: 01/35/42/51/179-6.3976**).

**1.3 Dana Pendidikan**

Pada tahun ini sumbangan dana pendidkan telah disalurkan kepada Maahad Al-Tahfiz Wa Al-Dirasaat Al-Islamiyyah Taman Darul Hikmah, Kampung Padang Air, 21060 Kuala Terengganu. Terangganu Darul Iman sebanyak RM18,000.00 dan beberapa institusi lain seperti Surau Darul Falah, Taman Berjaya, Greenwood, Gombak, Selangor dan Tabung Dana Akademik Al-Amin, Kuala Lumpur.

**1.4 Bantuan kebajikan dan anak yatim**

Pada tahun ini Yayasan telah mengeluarkan bantuan kebajikan dan anak yatim sebanyak RM11,350.00 Seramai 54 orang anak yatim yang dibantu adalah mereka yang berumur di bawah 15 tahun dan di bawah jagaan waris mereka.di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur., Negeri Sembilan, Johor dan Pahang.

**1.5 Bantuan Kemiskinan Ibu Tunggal**

Sebanyak RM2,400.00 disalurkan kepada seorang ibu tunggal di Kelantan bagi membantu menyara kehidupannya dan anak-anak. Beliau merupakan balu kepada guru tahfiz yang telah membantu melaksanakan aktiviti Yayasan.

**1.6 Sumbangan Mangsa Banjir dan Musibah**

Pada 2 Januari 2015 rombongan sukarelawan Yayasan Muslimin yang diketuai oleh Us. Abdul Rahman Bin Md Hassan telah menyalurkan bekalan bantuan kepada wakil mangsa banjir dari Kampung. Keluat, Kuala Krai, Kelantan. Kampung tersebut berada di seberang sungai dari pekan Kuala Krai. Dalam tragedi banjir besar itu, tidak kurang dari 16 buah rumah telah ranap sama sekali dan lebih 20 keluarga telah terjejas.

Sumbangan sebanyak RM2,500.00 telah disalurkan kepada mangsa banjir di Kelantan.

**1.7 Sumbangan Fakir dan Miskin Sempena Hari Raya Adul Fitri**

Sumbangan wang tunai kepada 15 orang fakir dan miskin pada bulan Ramadhan 1436H. Seramai 5 orang penerima di Batu Pahat, Johor, 4 orang di Negeri Sembilan, 4 orang di Maran, Pahang, 2 orang di Selangor dan Kuala Lumpur dengan jumlah sumbangan sebanyak RM9,550.00.

## 2. Jawatankuasa Dakwah dan Tarbiyah

### 2.1. Akademi al-Quran

Program pengajian al-Quran dijalankan di pejabat Yayasan pada setiap hari Isnin, Selasa dan Jumaat secara percuma. Kelas ini terbahagi kepada pengajian asas al-Quran, hafazan dan talaqi. Yayasan telah membelanjakan RM12,800.00 bagi membayar elaun kepada dua orang guru yang mengajar. Bilangan pelajar yang terlibat ialah seramai 15 orang.

### 2.2 Program Tarbiah Belia Islam

Yayasan dengan kerjasama Surau Pondok Al Majidiah, Batu 35, Jalan Bahau, Negeri Sembilan telah mengadakan Program Tarbiah Belia Islam bertajuk "Konsep Bersepadu Mu`amalat" pada hari Sabtu 3 Januari 2015.

### 2.3 Program Ceramah Agama

Yayasan telah menganjurkan Program Ceramah Agama di Masjid At-Taqwa, Taman Tun Dr Ismail pada 30 Januari 2015. Penceramah ialah Ustaz Abdul Nasir bin Ahmad, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Kariah, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI).
Pada 23 Disember 2015, Yayasan dengan kerjasama Masjid Al-Khairiah, AU3 Keramat, Kuala Lumpur telah menganjurkan Program Ceramah Agama sempena Maulidur Rasul bersama Sahibus Samahah Dato Dr. Zulkifli bin Mohamed Al Bakri, Mufti Wilayah Persekutuan.

### 2.4 Program Al-Quran Remaja

Yayasan dengan kerjasama Al-Baghdadi Training Centre Kuala Lumpur (ATC-KL) telah menganjurkan Klinik Hafazan Nadi Al-Baghdadi (program neuro nadi al-hafiz) dan Klinik rukun qauli (Bacaan Wajib Dalam Solat) pada 14 & 15 Disember 2015 bertempat di Masjid Al-Khairiah, AU3, Keramat. Seramai 26 peserta yang terdiri daripada kanak-kanak dan remaja menyertai program tersebut.

Antara objektif program tersebut ialah membasmi ‘buta Al-Quran’ di dalam masyarakat, melahirkan rasa seronok untuk mempelajari dan menghafaz Al-Quran dan mempelajari 27 kesalahan bacaan dalam Al-Fatihah.

## 3. Jawatankuasa Penerbitan

### 3.1. e-Majalah Iktisad

Walaupun penerbitan majalah Iktisad telah dihentikan pada tahun 2013, namum penerbitannya masih diteruskan tetapi dalam bentuk maya iaitu menerusi ***e-iktisad*** yang memaparkan pengetahuan mengenai ilmu muamalah melalui laman web www.yayasanmuslimin.org/eiktisad.

### 3.2 Laman web

Yayasan telah membangunkan laman web www.yayasanmuslimin.org sebagai satu langkah untuk mempromosi dan memberikan maklumat kepada orang ramai tentang aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh Yayasan.

### 3.3. Penerbitan Buku

Bagi meneruskan projek penerbitan buku, pada tahun 2015 Yayasan telah menerbitkan satu lagi buku yang bertajuk **Dahsyatnya Basmallah, Kunci Sakti Membuka Pintu Kehidupan** yang dihasilkan oleh Tuan Haji Afifi bin Ahmad.

### 3.4 Projek Wakaf Buku

Projek ini telah bermula pada Julai 2014 dengan memfokuskan kepada projek khas Wakaf Al-Quran Mushaf Qiraat Asyara terbitan Penerbitan Dar Hakamah. Al-Quran mushaf ini adalah merupakan yang pertama yang mempunyai terjemahan di dalam Bahasa Melayu.

Alhamdulillah, dengan sokongan pelbagai pihak, sejumlah Al-Quran telah dapat diperolehi untuk diwakafkan ke pusat-pusat tahfiz yang mempelajari ilmu qiraat.

Penyerahan pertama telah diagihkan kepada Darul Quran, Kuala Kubu Baru, Selangor pada 12 Mac 2015 yang lalu. Penyerahan dibuat kepada Ustaz Ibrahim bin Abdullah, bekas ketua Jabatan Pengajian Al-Quran dan Qiraat.

## 4. Jawatankuasa Projek

### 4.1 Tanah Wakaf di Mukim Pantai, Seremban, Negeri Sembilan

Tanah di Mukim Pantai, Seremban, Negeri Sembilan yang telah diwakafkan kepada Yayasan ini masih lagi di peringkat perancangan. Sebagai permulaan, Yayasan telah menyewakan tapak tanah tersebut untuk kerja-kerja memproses pasir dengan kadar sewa RM1,000.00 sebulan bermula bulan Oktober 2015.

### 4.2 Upah Haji

Pada tahun 2015, sebanyak 4 permohonan telah diterima oleh Yayasan untuk urusan perkhidmatan Upah Haji. Aktiviti ini adalah satu usaha Yayasan untuk membantu umat Islam di Malaysia yang berhajat untuk mengupahkan Haji bagi ahli keluarga yang uzur atau meninggal dunia. Peserta Upah Haji akan diberikan sijil penyertaan dan cenderahati jubah/telekung dan sejadah.

## 5. Projek Ar-Rahman

Yayasan bekerjasama dengan Persatuan Penawar Warisan Kuala Lumpur & Selangor untuk menganjurkan program Taubah Wal Ibadah pada 28 November 2015 di Masjid Abu Ubaidah Al Jarrah, Taman Sri Rampai, Kuala Lumpur bagi membimbing bekas-bekas penagih dadah untuk melakukan amal ibadah kepada Allah. Program dirasmikan oleh Yang Berbahagia Tuan Haji Husin Bin Isa yang mewakili Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Turut berucap dalam majlis tersebut ialah Yang Berhormat Datuk Ahmad Fauzi Bin Zahari, Ahli Parlimen Setiawangsa.

Untuk maklumat berita beserta gambar tentang aktiviti-aktiviti Yayasan Muslimin,
sila lawati Facebook : **www.facebook.com/yayasanmuslimin.org**